



# Aliran Sains atau Sastera?

► OLEH NURUL MUHAMINAH

Bukan sesuatu yang luar biasa apabila banyak dalam kalangan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berasa keliru, malah ada yang tidak tahu untuk membuat pilihan program pengajian ketika hendak melanjutkan pengajian sama ada di universiti awam (UA) atau universiti swasta (US). Pada kebiasaannya, ketika pelajar berada di tingkatan empat dan lima, rata-rata mereka masih belum mendapat gambaran untuk ke UA atau US. Apabila diajukan soalan, apakah perancangan mereka selepas tamat pengajian? Jawapan yang diberikan pasti ingin melangkah ke menara gading. Namun begitu, mereka tidak dapat menyatakan secara terperinci berhubung dengan pilihan bidang pengajian mereka.

Mungkin salah satu faktor ketidakpastian ini adalah disebabkan oleh kurangnya pendedahan terhadap hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian. Pada hakikatnya, terdapat dua bidang utama yang membezakan pengajian yang akan dipilih di universiti kelak, iaitu latar belakang pendidikan beraliran sastera dan sains. Pemilihan kelas aliran Sastera mahupun Sains tidak dinafikan akan menentukan hala tuju dan masa hadapan pelajar untuk menyambung pengajian pada peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya menceburi alam pekerjaan.

Bagi pelajar yang mendapat keputusan cemerlang, sudah tentu mereka boleh memilih universiti sebagai destinasi selepas SPM. Permohonan boleh dibuat melalui UPU sebelum ditawarkan program diploma atau asasi di mana-mana UA di Malaysia. Pelajar cemerlang juga dapat mengikuti program asasi atau matrikulasi dalam bidang Sains Hayat, Sains Fizikal atau Perakaunan. Setelah selesai program asasi atau matrikulasi, pelajar boleh memohon melalui UPU untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan yang diminati bagi peringkat ijazah. Program matriks berlangsung selama setahun atau dua tahun bergantung pada keputusan SPM pelajar. Pelajar yang lebih bernasib baik pula ada yang mendapat biasiswa melanjutkan pelajaran ke luar negara. Antara negara yang sering menjadi pilihan termasuklah United Kingdom, Rusia, Amerika Syarikat, New Zealand, Australia, Indonesia, Jepun dan beberapa buah negara di Timur Tengah.



*Terdapat juga beberapa buah universiti yang menawarkan program teknikal, seperti di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), dan lain-lain institut kemahiran.*

Sementara itu, pelajar yang lebih cenderung dalam bidang teknikal pula boleh melanjutkan pelajaran di politeknik dengan memilih kursus pada peringkat sijil dan diploma yang bersesuaian dengan minat mereka. Terdapat juga beberapa buah universiti yang menawarkan program teknikal, seperti di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), dan lain-lain institut kemahiran. Dalam pada itu, US dan kolej swasta juga banyak diwujudkan di negara ini bagi memberikan peluang melanjutkan pelajaran. Selain itu, terdapat juga kolej yang menawarkan program diploma bersebutan dengan UA, seperti Kolej Poly-Tech MARA dan Kolej Shahputra yang menawarkan program diploma. Tidak kurang juga pelajar yang berhasrat melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam sebagai destinasi terakhir mereka selepas SPM. Istimewanya, pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) diberikan keutamaan untuk membuat permohonan ke universiti berbanding dengan pelajar lepasan diploma dan matrikulasi.

Mungkin banyak pihak yang tertanya-tanya apakah perbezaan kedua-dua aliran ini dan yang paling penting aliran manakah yang lebih penting? Pada hakikatnya, tidak kira aliran sastera atau sains, kedua-duanya perlu seiring

dengan minat dan kemampuan pelajar untuk mendalami ilmu yang dipilih. Berdasarkan formula sistem persekolahan di negara ini, keputusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) digunakan sebagai kelayakan pelajar untuk memasuki aliran sastera mahupun sains ketika mereka berada di tingkatan empat dan lima. Umum mengetahui bahawa, pada kebiasaannya pelajar cemerlang akan memasuki aliran sains, manakala selebihnya akan memilih aliran sastera. Namun begitu, hal ini tidak bermaksud aliran sastera untuk pelajar yang lemah dan sebaliknya. Hal ini dikatakan demikian kerana masih ada pelajar cemerlang yang meminati aliran sastera dan memilih untuk memasuki aliran tersebut. Pelajar masih berpeluang memilih aliran masing-masing mengikut aliran yang diminati. Oleh itu, banyak pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran Matematik dan sains memilih aliran sastera kerana minat yang mendalam dalam dunia kesuasasteraan.

Walau bagaimanapun, terdapat hakikat yang tidak boleh diketepikan bahawa pelajar beraliran sains mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat matrikulasi dan asasi sains (tanpa perlu mengambil diploma) dan pada kebiasaannya peluang mereka untuk melanjutkan pengajian pada peringkat UA dan US amat cerah. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat lebih 80 peratus kursus pengajian lepasan SPM ditawarkan oleh UA kepada pelajar lepasan SPM aliran sains.

Lihat sahaja kategori permohonan UPU lepasan STPM, matrikulasi, asasi, diploma sesi 2016/2017 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kategori permohonan untuk pemohon lepasan STPM/ setaraf terbahagi kepada dua, iaitu kategori A (aliran sastera STPM 2014) dan kategori S (aliran sains calon STPM 2014). Sementara itu, bagi lepasan matrikulasi (kategori N, P, U, L, K, J) pelajar matrikulasi KPM/PASUM/

Control No: A 000 275106

File name: MA/educahan/2016/Educahan 2016 A03.pdf

Education - General

pg: 10-13



*Pelajar yang mengambil STPM tidak boleh dipandang sebelah mata dan dianggap sebagai pilihan terakhir kerana STPM adalah antara peperiksaan yang mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa termasuk negara Komanwel, Amerika Syarikat dan Republik Ireland.*

asasi UiTM sesi 2014-2015, terdapat pecahan yang lebih banyak seperti yang berikut: Kategori N (aliran sains calon matrikulasi KPM, PASUM dan asasi UiTM); Kategori P (aliran perakaunan calon matrikulasi KPM); Kategori U (aliran undang-undang calon asasi UiTM); Kategori L (aliran bahasa Inggeris calon asasi UiTM TESU); Kategori K (aliran kejuruteraan calon asasi UiTM); dan Kategori I (aliran teknikal calon matrikulasi KPM).

Dalam hal ini, mahu tidak mahu kita perlu mengakui bahawa pelajar beraliran sains mempunyai lebih banyak cabang pengajian di UA. Selain itu, pelajar tingkatan enam juga terbukti mampu melahirkan golongan pelajar yang berkualiti sebelum meneruskan pengajian ke universiti. Pelajar yang mengambil STPM tidak boleh dipandang sebelah mata dan dianggap sebagai pilihan terakhir kerana STPM adalah antara peperiksaan yang mendapat

pengiktirafan pada peringkat antarabangsa termasuk negara Komanwel, Amerika Syarikat dan Republik Ireland. Matrikulasi juga adalah antara program prauniversiti berkualiti kelolaan KPM yang boleh disertai bagi mengikuti jurusan sains, perakaunan dan aliran teknikal. Oleh itu, pendapat sempit yang mengatakan bahawa pengajian dalam bidang sastera hanya diambil oleh pelajar lemah, tiada nilai ekonomi, dan pelajar yang memilih bidang ini tiada masa hadapan yang cerah perlu dibuang jauh-jauh.

#### Latar Belakang Pendidikan Cerminan Kerjaya?

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur, menjelaskan bahawa pada tahun 1967, kerajaan menyasarkan kadar peratusan pelajar aliran sains berbanding dengan sastera, iaitu dengan nisbah 60:40. Begitu pun, setelah hampir 50 tahun, sasaran tersebut masih belum dapat dicapai.

"Keadaan semakin membimbangkan pada ketika ini apabila hasil kajian Akademi Sains Malaysia mendapati kita hanya mencapai 20 peratus pelajar aliran sains dan 80



peratus aliran sastera," katanya ketika berucap pada Forum Wanita dalam Sains bersempena dengan sambutan Hari Wanita Antarabangsa MOSTI, pada Mac lalu. Beliau berkata minat pelajar terhadap bidang tersebut (sains) perlu dipupuk dan ditingkatkan memandangkan mereka merupakan pelapis pasaran tenaga kerja pada masa hadapan. Hal ini juga penting kerana perkembangan dunia sains dan teknologi pada hari ini memerlukan tenaga kerja mahir untuk menggerakkannya.

*Individu yang berlatarbelakangkan Sains dan Sastera merupakan individu yang menjadi penggerak kemajuan negara. Sesebuah negara tidak akan maju tanpa kehadiran guru, pengkaji sejarah, pakar bahasa, doktor, ahli kimia, jurutera, akauntan wartawan, peguam dan banyak lagi.*

Dalam pemilihan bahasa, tidak kira sama ada aliran sains atau sastera, kebanyakan UA kini mengajarkan subjek dalam bahasa Inggeris, namun masih ada universiti yang menggunakan bahasa Melayu. Bagi Fakulti Perubatan, Sains, dan Kejuruteraan, rata-rata UA menggunakan bahasa Inggeris dalam kuliah dan peperiksaan. Bukan juga sesuatu yang mengejutkan apabila ada Fakulti Sastera di UA yang menggunakan bahasa Inggeris, malah pengajian bahasa Arab juga menggunakan bahasa asing itu.

Dalam hal ini bukan isu penggunaan bahasa yang dipersoalkan, tetapi aliran yang menentukan kerjaya dan masa hadapan seseorang pelajar. Oleh itu, seorang yang ingin bergelar doktor perubatan perlu mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang tersebut. Hal yang demikian juga dengan peguam, akauntan, jurutera, ahli kimia, guru, ahli sejarah, pakar bahasa dan banyak lagi. Oleh itu, semua pelajar perlu menetapkan aliran pendidikan dan pengajian masing-masing bermula daripada peringkat sekolah kerana pemilihan aliran sastera atau sains akan menentukan bidang pengajian dan pemilihan kerjaya kelak.

Kecenderungan pelajar pada hari ini memilih aliran sastera mungkin didorong oleh pendedahan bidang kerjaya aliran tersebut yang lebih ketara, misalnya kerjaya guru,

peguam, polis, dan banyak lagi. Sementara itu, aliran sains dianggap terlalu terhad misalnya mereka yang memilih aliran sains perlu menjadi doktor, jurutera dan ahli kimia. Sebaliknya, bagi mereka yang beraliran sastera, mereka boleh sahaja menjadi guru, polis, pegawai tadbir dan banyak lagi. Dalam hal ini, Datuk Seri Noorul meletakkan harapan agar KPM dan agensi yang berkaitan dapat mengadakan usaha sama untuk mewujudkan program yang berkesan bagi memupuk minat masyarakat terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi.

Dalam dunia pekerjaan, di mana-mana sekalipun tidak hanya terhad kepada kerjaya doktor, peguam, saintis, arkitek dan jurutera. Individu yang berlatarbelakangkan sains dan sastera merupakan individu yang menjadi penggerak kemajuan negara. Sesebuah negara tidak akan maju tanpa kehadiran guru, pengkaji sejarah, pakar bahasa, doktor, ahli kimia, jurutera, akauntan wartawan, peguam, dan banyak lagi.

Yang paling penting, pada hari ini ialah minat dan kecenderungan seseorang ketika mereka memilih bidang pendidikan dan pada akhirnya ketika mereka memilih kerjaya. Pencipta telefon pintar *iPhone*, Steve Jobs, pernah menjelaskan bahawa, "Satu-satunya cara untuk melakukan kerja yang hebat adalah anda perlu suka dengan apa-apa yang anda lakukan. Jika anda belum menemui apa-apa yang anda suka, teruskan mencari. Jangan terus berpuas hati". Renung-renungkan dan fikirkanlah. ■ B

